

31 MAR 2001

KPPK-Boikot

KPPK MELAKA CADANG BOIKOT HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN

MELAKA, 31 Mac (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) cawangan Melaka akan memboikot sambutan Hari Guru peringkat Kebangsaan di Melaka pada Mei ini jika beberapa masalah berbangkit membabitkan guru dan pelajar di negeri ini gagal diselesaikan.

Pengerusinya Mohamed Ali Mohamed Ibrahim mendakwa Jabatan Pendidikan Negeri tidak peka dan gagal menyelesaikan beberapa masalah termasuk keengganan jabatan itu membayar wang tuntutan guru-guru yang menjalankan tugas dalam kegiatan ko-kurikulum.

Selain itu, mereka menghadapi masalah membabitkan tuntutan perjalanan bagi pengetua/guru besar, aktiviti sekolah pada cuti Sabtu minggu pertama dan ketiga, dan campur tangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) dalam pentadbiran sekolah," katanya kepada pemberita di pejabat KPPK Melaka di sini, hari ini.

Mohamed Ali berkata KPPK juga mendapati pekeliling Jabatan Pendidikan Negeri bertentangan dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

Beliau memberi contoh pertemuan pegawai-pegawai jabatan itu dengan pengetua sekolah negeri di sebuah pusat peranginan di Johor selama tiga hari pada bulan lepas.

Pada masa yang sama, jabatan itu mengeluarkan pekeliling menghadkan tuntutan perjalanan tugas-tugas rasmi bagi pengetua dan guru besar pada bulan lepas dengan alasan sebagai langkah berjimat.

Mengenai tuntutan guru dalam menjalankan kegiatan ko-kurikulum, Mohamed Ali berkata masalah itu diselesaikan tahun lepas tetapi Jabatan Pendidikan Negeri memberi alasan tidak mempunyai peruntukan tahun ini.

"Sekiranya tiada peruntukan, jabatan sepatutnya memohon peruntukan tambahan daripada kementerian supaya tuntutan guru yang terbabit boleh dijelaskan," katanya.

Ibrahim berkata KPPK mempunyai hampir 6,000 anggota di negeri ini.

"KPPK tidak teragak-agak untuk memulaukan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya sambil berharap jabatan itu menyelesaikan semua masalah yang dibangkitkan oleh KPPK cawangan Melaka.

-- BERNAMA

NO NAK